

Perak pinda enakmen untuk kekang ajaran sesat

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri - Jun 14, 2026 @ 5:51pm



Harith Fadzillah (dua kiri) bersama Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia, Mohd Azmi Abdul Hamid (dua kanan); Naib Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia, Mohd Drohiri Abdul Samad (kiri) dan Pengarah Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Perak, Ramdani Abd Karim (kanan) pada majlis perasmian Program Latihan Sukarelawan Masjid Daerah Kinta & Peluncuran Buku Modul Sukarelawan Masjid kerjasam JAIPK di Ipoh. - Foto NSTP/L Manimaran

IPOH: Perak akan meminda Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 bagi meningkatkan hukuman terhadap kes jenayah berkaitan akidah dan penyebaran ajaran sesat.

Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), Datuk Harith Fadzilah Abdul Halim, berkata kerajaan negeri juga akan menggubal enakmen berkaitan pengamalan tarekat tasawuf.

Cadangan penggubalan Enakmen Jenayah Syariah itu akan dibawa ke persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) pada 26 Jun ini bagi meneliti kesesuaiannya dengan zaman ini.

Katanya, terdapat peruntukan hukuman dalam enakmen berkenaan yang sudah tidak relevan dengan keadaan semasa seperti denda maksimum RM3,000 bagi kesalahan berkaitan akidah atau ajaran menyeleweng.

"Bagi enakmen tarekat pula, Jabatan Mufti Negeri Perak (JMNPk) sedang dalam proses merangka draf supaya sejajar dengan enakmen sama di Negeri Sembilan," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Program Latihan Sukarelawan Masjid Daerah Kinta anjuran Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) di Dewan Saidina Omar, Institut Tadbiran Islam (INTIM) di sini hari ini.

Hadir sama Presiden MAPIM, Mohd Azmi Abdul Hamid.

Katanya lagi, tujuan pindaan itu bukan untuk menghukum secara berlebihan sebaliknya bagi memastikan hukuman yang dikenakan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan selain selari peredaran masa.

Dalam perkembangan lain, Harith Fadzilah berkata semua masjid di bawah JAIPk diseru agar meraikan amalan serta menyokong sebarang gerakan memupuk aktiviti sukarelawan dalam memastikan masjid memainkan fungsi sebagai pusat pembangunan masyarakat.

Elak mudarat ketika pilih pemimpin, wakil rakyat

Oleh **Abnor Hamizam Abd Manap** - Jun 14, 2026 @ 7:19am



Pengundi perlu memilih pemimpin yang sentiasa meletakkan keadilan di tempat tertinggi. - Foto hiasan

SISTEM demokrasi diamalkan di Malaysia memberikan hak dan kuasa kepada rakyat untuk menentukan hala tuju negara melalui kertas undi.

Bagi seorang Muslim, proses mengundi bukan sekadar menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara, malah ia satu amanah besar berkait rapat dengan tuntutan syariat Islam.

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Negeri Sembilan, Dr Muhammad Firdaus Abdul Manaf berkata, dalam kerangka Islam, politik dan agama tidak pernah dipisahkan.

Ia dijelaskan menerusi firman Allah dalam Surah an-Nisa, ayat 59 bermaksud: "Wahai orang beriman. Taatlah Allah, taatlah Rasul dan Ulil Amri (pemimpin) dalam kalangan kamu".

Katanya, ayat ini menunjukkan kewujudan kepemimpinan sah, adil dan berwibawa adalah tuntutan syarak bagi menjamin kestabilan agama serta urusan kehidupan manusia.

"Oleh sebab itu, memilih pemimpin yang baik adalah sebahagian daripada usaha merealisasikan perintah Allah SWT seperti ditegaskan dalam ayat berkenaan.

"Urusan memilih pemimpin sebahagian maqasid syariah menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Memilih pemimpin bakal mencorakkan dasar negara bermakna kita menyerahkan mandat untuk menguruskan hal ehwal umat Islam dan memelihara kesucian agama ini," katanya.

Tambahnya lagi Allah SWT tegas mengingatkan hamba-Nya mengenai kewajipan menyerahkan amanah kepeimpinan kepada mereka yang benar-benar layak.

Hal ini termaktub menerusi firman Allah bermaksud: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada bagi yang berhak menerimanya dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil". (Surah an-Nisa, ayat 58)

Ayat ini menjelaskan kepeimpinan adalah amanah berat tidak boleh dipandang remeh atau diserahkan secara sewenang-wenangnya.

Muhammad Firdaus berkata, kegagalan menyerahkan amanah ini kepada individu layak akan mengundang kerosakan sistemik kepada seluruh masyarakat dan negara.

Katanya, Rasulullah SAW memberikan amaran keras mengenai kesan buruk sekiranya urusan kepeimpinan diserahkan kepada pihak salah bermaksud:

"Apabila amanah itu disia-siakan, maka tunggulah kehancuran. Sahabat bertanya: Bagaimanakah ia disia-siakan? Baginda menjawab: Apabila urusan itu diserahkan kepada bukan ahlinya, maka tunggulah kehancuran".

Berdasarkan nas al-Quran dan hadis itu, Muhammad Firdaus berkata, ulama bersepakat proses memilih pemimpin atau mengundi dalam konteks moden hari ini dikategorikan sebagai syahadah (penyaksian).

"Apabila seorang Muslim memangkah sekeping kertas undi, dia sedang membuat kesaksian di hadapan Allah SWT calon dipilihnya individu paling layak, adil dan mampu memikul bebanan rakyat.

"Oleh itu, sengaja memberikan undi kepada calon tidak layak, rasuah atau zalim dikhuatiri boleh menjerumuskan seseorang ke dalam dosa Syahadah al-Zur (saksi palsu).

"Perkara ini wajib dielakkan kerana setiap undi diterjemahkan akan dipersoalkan di akhirat kelak mengenai asas dan niat pemilihan itu," katanya.

Beliau berkata, sarjana Islam seperti Imam Nawawi menyimpulkan teras kepeimpinan terletak pada dua sifat utama, iaitu al-Qawiy (kompetensi dan kekuatan) dan al-Amin (berintegriti dan amanah).

Kriteria ini diambil bersempena dengan kisah Nabi Musa AS diceritakan dalam Surah al-Qasas, ayat 26 bermaksud: "Sesungguhnya orang paling baik untuk kamu ambil bekerja ialah orang kuat, lagi amanah".

Sifat al-Qawiy atau kekuatan dalam konteks kepeimpinan moden merujuk kepada keupayaan mental, fizikal, kebijaksanaan politik, kepakaran dalam pentadbiran serta kebolehan membuat keputusan strategik demi maslahat umum.

Sifat al-Amin pula merujuk kepada ketinggian akhlak, ketakwaan, kejujuran dan keluhuran integriti menghalang diri pemimpin daripada amalan rasuah, salah guna kuasa serta pecah amanah.

"Gabungan dua elemen ini amat penting kerana pemimpin kuat tetapi tidak amanah akan menjadi zalim, manakala pemimpin amanah tetapi lemah akan membawa kepada kegagalan tadbir urus," katanya.

Muhammad Firdaus berkata, pemimpin juga perlu memiliki sifat rahmah dan keprihatinan tinggi terhadap kesusahan rakyat.

Katanya, Rasulullah SAW sentiasa mendoakan kebaikan pemimpin memudahkan urusan rakyat dan mendoakan kesusahan mereka yang menyusahkan rakyat, sebagaimana hadis riwayat Muslim:

"Ya Allah, sesiapa memegang kuasa urusan umatku lalu dia menyusahkan mereka, maka susahkan dia. Sesiapa memegang kuasa urusan umatku lalu dia berlaku lemah-lembut (memudahkan) mereka, maka berlemah-lembutlah (permudahkanlah) kepadanya".

Jika berlaku pertembungan antara calon Muslim dalam pilihan raya, Muhammad Firdaus berkata ia menuntut kebijaksanaan dan kematangan berfikir tinggi berasaskan neraca syariat bagi memilih yang terbaik.

"Pengundi tidak boleh bersikap semberono atau mengikut emosi, sebaliknya menilai setiap calon berdasarkan merit keupayaan, rekod perkhidmatan dan komitmen mereka terhadap keadilan serta syiar Islam.

"Jika salah seorang calon Muslim mempunyai kecenderungan boleh menjejaskan keharmonian masyarakat atau keutuhan agama, pengundi wajib memilih calon lebih bersih dan selamat," katanya.

Namun persoalan sering menjadi polemik dalam kalangan pengundi ialah adakah perlu memilih berdasarkan peribadi calon atau ideologi serta dasar parti diwakilinya.

"Dalam sistem pilihan raya kedua-dua elemen ini saling berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan. Seorang calon mempunyai peribadi baik, jujur dan berakhlak mulia tetap memerlukan sokongan parti kukuh untuk menterjemahkan visinya menjadi dasar negara.

"Tanpa sokongan parti, seorang wakil rakyat yang baik akan menghadapi kesukaran amat besar untuk meluluskan undang-undang adil atau membawa pembangunan berkesan," katanya.

Apa yang penting katanya, memilih parti mempunyai dasar baik tetapi meletakkan calon korup, tidak kompeten dan rosak moralnya juga satu kesilapan besar.

"Calon yang rosak peribadinya akan menjadi liabiliti kepada parti dan akhirnya merosakkan sistem penyampaian khidmat kepada masyarakat setempat," katanya.

Muhammad Firdaus berpendapat, pengundi perlu memilih pemimpin yang takutkan Allah SWT kerana akan gerun mengkhianati hak rakyat selain sentiasa meletakkan keadilan di tempat tertinggi.

Jenayah syariah: Mengapa sampai perlu sebat?



NURUL HIDAYAH HAMID

Follow

08 Jun 2026 07:25am

Masa membaca: 3 minit



Dua rotan yang digunakan oleh tukang sebat penjara bagi pelaksanaan hukuman sebatan ke atas pesalah syariah di Mahkamah Penjara Marang pada Ahad.

SETIAP kali hukuman sebat syariah dilaksanakan, pasti akan timbul perdebatan. Ada yang melihatnya sebagai hukuman yang wajar demi mempertahankan nilai agama dan moral masyarakat, manakala sebahagian lain mempersoalkan kesetimpalan serta kesan pelaksanaannya terhadap pesalah.

Terbaharu, lima individu terdiri daripada tiga wanita dan dua lelaki menjalani hukuman keseluruhan 20 sebatan di Penjara Marang selepas masing-masing mengaku bersalah atas kesalahan jenayah syariah yang dihadapi sebelum ini.

Hukuman paling tinggi dikenakan terhadap seorang wanita berusia 20 tahun yang menerima enam sebatan. Tertuduh yang merupakan seorang janda sebelum ini didakwa di bawah Seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman bagi kesalahan melakukan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.

Dia didakwa melakukan perbuatan tersebut bersama seorang lelaki berusia 25 tahun selepas kedua-duanya dicekup dalam satu serbuan pihak berkuasa di sebuah bilik hotel di Jalan Pejabat, di Kuala Terengganu pada 17 Mei lalu.

Seperti dijangka, pelbagai reaksi muncul. Ada yang menyifatkannya sebagai langkah perlu untuk memelihara maruah, institusi keluarga dan kesejahteraan masyarakat.

Tidak kurang juga yang mempersoalkan aspek kesetimpalan hukuman, maruah pesalah, pemulihan serta matlamat sebenar sistem keadilan.

Mungkin juga ramai yang bersimpati apabila mendengar seseorang dihukum sebat, lebih-lebih lagi apabila kesalahan yang dilakukan dikategorikan sebagai jenayah syariah.

Bagaimanapun, berapa ramai yang berhenti sejenak untuk memikirkan mengapa hukuman itu dijatuhkan?

Kita mudah melihat kesakitan yang dialami pesalah ketika menerima sebatan, tetapi sering terlupa kesan kesalahan yang dilakukan terhadap maruah diri, keluarga dan nilai agama yang menjadi tunjang kehidupan masyarakat.

Malah, ada yang terus melabel hukuman sebat sebagai tidak berperikemanusiaan tanpa terlebih dahulu memahami tujuan sebenar ia diperuntukkan dalam undang-undang syariah.

Mungkin ada yang bertanya, mengapa perlu sampai disebat?

Mengapa tidak cukup dengan nasihat, kaunseling atau denda sedangkan ia hanya melibatkan jenayah syariah dan bukannya jenayah berat seperti membunuh atau merompak?

Jawapannya juga cukup jelas.

Ada perbuatan yang tidak menumpahkan darah, tetapi boleh merosakkan maruah dan memecahkan institusi keluarga.

Ada perbuatan yang tidak mencederakan tubuh, tetapi mencederakan nilai dan akhlak sesebuah masyarakat.

Sebab itulah kesalahan seperti khalwat, zina dan perbuatan yang bertentangan dengan syariat tidak dianggap remeh walaupun ada yang melihatnya sebagai urusan peribadi atau dilakukan atas kerelaan kedua-dua pihak.

Sebab itu, sebat seharusnya dilihat sebagai peringatan

Jika satu hukuman mampu menginsafkan seorang pesalah dan menghalang ratusan lagi daripada mengulangi kesalahan yang sama, maka di situlah terletaknya hikmah yang mungkin tidak dilihat oleh semua orang.

Ajaran Ahmadiyah Qadiani difatwakan sesat sejak 20 tahun lalu



ASYIKIN ASMIN

Follow

01 Jun 2026 06:29pm



Antara individu yang ditahan selepas dipercayai sebagai pengikut kumpulan ajaran sesat Jemaah Ahmadiyah Qadiani ditahan dalam satu operasi di dewan sebuah sekolah di Likas, Kota Kinabalu.

Gambar kecil: Mohd Arifin

KOTA KINABALU - Ajaran Ahmadiyah Qadiani telah difatwakan sebagai sesat dan menyeleweng oleh Majlis Fatwa Negeri Sabah sejak 20 tahun lalu, sebelum diwartakan pada tahun berikutnya.

Perkara itu didedahkan Exco Agama Negeri Sabah, Datuk Mohd Arifin Mohd Arif susulan tangkapan 300 individu termasuk 12 pemimpin kumpulan ajaran sesat tersebut.

Beliau yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah berkata, susulan aduan awam yang diterima, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah (BPUUS) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) telah menjalankan operasi di dewan sebuah sekolah menengah di daerah ini.

"Operasi tersebut melibatkan Program Jalsa Salana Wilayah Sabah Kali Ke-32 yang dikendalikan oleh Jamaat Ahmadiyah Muslim Malaysia (JAMM) yang juga berkait dengan ajaran Ahmadiyah Qadiani.

"Hasil operasi yang dijalankan mendapati program tersebut telah pun berlangsung selama tiga hari bermula 29 sehingga 31 Mei 2026 dan dianggarkan telah dihadiri hampir 300 peserta dari seluruh negeri Sabah.

"Pelbagai bahan penerbitan, dokumen serta bahan promosi yang berkaitan dengan ajaran Ahmadiyah Qadiani telah dipamerkan dalam dewan sepanjang program berlangsung," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Katanya lagi, kesemua bahan berkaitan telah diambil tindakan mengikut peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

“
"Untuk makluman, ajaran Ahmadiyah Qadiani telah difatwakan sebagai sesat dan menyeleweng oleh Majlis Fatwa Negeri Sabah pada tahun 2006 serta diwartakan pada tahun 2007.

"Kerajaan negeri melalui JHEAINS memandang serius dalam sebarang usaha menyebarkan mana-mana ajaran yang telah pun difatwakan salah, sesat dan menyeleweng daripada pegangan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang telah diwartakan di Negeri Sabah pada tahun 2019, " katanya.

Sehubungan itu, Mohd Arifin berkata, umat Islam di negeri ini hendaklah berwaspada dan menjauhi sebarang bentuk penyebaran fahaman yang boleh menjejaskan kesucian akidah Islam.

"Kerajaan negeri melalui JHEAINS akan terus komited memperkukuh usaha pemantauan, penguatkuasaan dan pendidikan bagi memastikan kesucian akidah umat Islam sentiasa terpelihara serta keharmonian masyarakat terus terjamin," tegasnya.

Sebelum itu, beliau memaklumkan seramai 52 anggota Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) JHEAINS telah diarahkan untuk melaksanakan operasi tersebut dengan bantuan pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) melibatkan 25 anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Kinabalu bagi mengawal keselamatan.

"Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PDRM Sabah, khususnya IPD Kota Kinabalu atas kerjasama dalam memastikan kawalan keselamatan semasa operasi dijalankan terlaksana dengan baik lancar dan seterusnya bersama-sama membantu membanteras penyebaran ajaran yang bercanggah dengan akidah Islam di negeri ini," katanya.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan 300 termasuk 12 pemimpin ditahan kumpulan ajaran sesat tersebut ditahan semasa program mereka yang berlangsung di dewan sebuah sekolah di Likas.

TARIKH-TARIKH PENTING PILIHAN RAYA NEGERI (PRN) JOHOR KE-16

PENAMAAN CALON

27 Jun

PENGUNDIAN AWAL

7 Julai

HARI MENGUNDI

11 Julai

TEMPOH BERKEMPEN

14 hari

TARIKH TUTUP PERMOHONAN UNDI POS

24 Jun - Kategori 1A

- Petugas pilihan raya
- Ahli / pegawai SPR
- Polis & Tentera
- Petugas media

19 Jun

Kategori 1B

- Warganegara Malaysia tinggal di luar negara

Kategori 1C

- Agensi / Organisasi

Maklumat lanjut layari
www.spr.gov.my



Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR)
bagi PRN Johor ke-16 ini mengandungi
2,727,926 pemilih terdiri daripada
2,703,175 pengundi biasa,
12,041 tentera serta pasangan
dan **12,710** polis PGA
serta pasangan.

PGA - Pasukan Gerakan Am

Pada 1 Jun 2026, Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi mengumumkan pembubaran Dewan Undangan Negeri Johor yang mempunyai 56 kerusi, setelah mendapat perkenan Pemangku Sultan Johor Tunku Mahkota Ismail

Datuk Seri
Ramlan
Harun



Sumber: Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
Datuk Seri Ramlan Harun

Diterbitkan: 12 Jun 2026
Infografik Bernama